

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)64

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

64. Pendapatan pesawah musim terbaru mengalami kerugian dan yang lebih malang lagi ada yang tidak mendapat hasil langsung akibat rumpai terlalu banyak. Adakah Kerajaan Negeri bercadang memberi *one-off* kepada semua pesawah di Pulau Pinang?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

64. Kerajaan Negeri sentiasa cakna mengenai isu penurunan hasil padi serta kerugian yang dialami oleh pesawah termasuk sebahagian yang tidak memperoleh hasil langsung akibat serangan rumpai keladi agas (*monochoria vaginalis*). Rumpai ini tergolong dalam kumpulan rumpai daun lebar akuatik yang sering ditemui di kawasan sawah padi dan menjadi antara punca utama penurunan hasil tanaman. Ia membiak dengan cepat melalui biji benih dan rizom serta bersaing dengan tanaman padi untuk mendapatkan nutrien, cahaya matahari dan air sekali gus menyebabkan pertumbuhan pokok padi terbantut, hasil tuaian

berkurangan dan mutu beras menurun. Keadaan ini turut menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan ladang serta meningkatkan kos kawalan di peringkat pesawah. Selain serangan rumpai keladi agas, faktor lain yang turut menyumbang kepada penurunan hasil adalah kualiti air pengairan yang terjejas, penggunaan benih tidak sah, amalan agronomi yang tidak mengikut piawaian serta kekurangan tenaga kerja di lapangan.

Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Khas pada Mei 2023 bagi membendung, menghapus dan mengawal keladi agas serta menyelaraskan tindakan bersepadu antara jabatan / agensi dan pesawah. Sebanyak RM900,000.00 telah diperuntukkan pada tahun 2023 di bawah Program Pembangunan Tanaman Padi bagi pelaksanaan aktiviti kawalan rumpai ini. Daripada jumlah tersebut, RM400,000.00 digunakan khusus untuk perolehan perkhidmatan kawalan keladi agas mengikut pakej yang disyorkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di dua daerah utama pengeluaran padi di

negeri ini. Hasil pelaksanaan ini menunjukkan kesan positif dengan penurunan keluasan infestasi sebanyak 64.15% pada Musim 1/2024.

Selain itu, sebanyak 12 siri kempen dan taklimat kawalan rumpai, perosak dan penyakit telah dijalankan sepanjang tahun 2025 bagi meningkatkan kesedaran pesawah tentang kepentingan kawalan awal dari peringkat penyediaan tanah (pra-cambah). Petak demonstrasi penanaman mengikut kaedah *Rice Check* turut dilaksanakan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) melibatkan keluasan 4 hektar bagi memperkukuh amalan agronomi yang tepat dan berkesan dalam mengurangkan serangan rumpai.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada usaha pemulihan kawasan sawah dan peningkatan hasil melalui pendekatan kawalan bersepadu, bantuan teknikal serta pemantapan amalan pertanian lestari di peringkat pesawah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan meneliti keperluan pemberian bantuan khas (*one-off*) kepada pesawah yang terjejas dengan mengambil kira tahap kerosakan sebenar,

kesan terhadap pendapatan pesawah serta kemampuan kewangan semasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri akan turut bekerjasama dengan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan DOA Malaysia dalam menyalurkan bantuan teknikal dan sokongan sewajarnya kepada pesawah yang terjejas.

